

TARIKH	JUMAAT, 7 JUN 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KAJI UDANG-UDANG KHUSUS TANGANI PENCEMARAN PLASTIK
M/S	22
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	LAW, PLASTIC

12

Nasional

Jumaat, 7 Jun 2024 BH

# Kaji undang-undang khusus tangani pencemaran plastik

NRES giat adakan perbincangan untuk belajar dari negara lain usaha perlu diambil

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
jhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRES) sedang mempertimbangkan untuk mengubal undang-undang khusus bagi menangani isu pembuangan dan pencemaran plastik.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ketika ini pihaknya sedang meneliti sama ada memerlukan undang-undang khusus kerana ada jurang dalam undang-undang semasa berikutan ketika ini kebanyakannya bergantung kepada kerajaan tempatan.

"Sebab itu, ada beberapa negeri seperti Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur bergerak pantas dan ada negeri lain tidak. Kita memerlukan pendekatan nasional untuk menangani isu pencemaran plastik ini.

"Justeru, isu ini ketika ini memang dipandang serius oleh NRES bagi mengelak seperti kejadian pencemaran teruk yang berlaku seperti di Afrika dan Kenya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis

Kongres Juruukur Antarabangsa Ke-26 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas laporan *The Straits Times* semalam, yang mengatakan kajian baru-baru ini mendapati Malaysia menduduki tempat tertinggi dalam kalangan 109 negara dalam penggunaan mikroplastik dan antara 10 teratas yang makan paling banyak mikroplastik.

Kajian diterbitkan dalam jurnal *Sains dan Teknologi Alam Sekitar* itu mendapati rakyat Malaysia makan purata 502.3mg per kapita mikroplastik setiap hari dengan lebih separuh daripadanya kerana makan ikan.

Susulan itu, Nik Nazmi berkata, memang ada keperluan untuk merangka undang-undang yang kukuh bagi menghapuskan plastik sekali pakai secara berperingkat, meningkatkan kadar kitar semula dan memerangi pencemaran plastik dengan berkesan.

"Ketika ini kita sedang berbincang dengan Bahagian Pengurusan Alam Sekitar. Kita juga mengadakan perbincangan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan perunding untuk belajar dari negara lain apa langkah yang perlu diambil selepas ini," katanya.

## Akta Juruukur Bangunan

Sementara itu, berkenaan cadangan penubuhan Akta Juruukur Bangunan, Nik Nazmi berkata, ketika ini ia masih lagi pada peringkat perbincangan dengan banyak pihak.

Beliau berkata, banyak perka-



Nik Nazmi mendengar penerangan ketika melawat pameran selepas merasmikan Majlis Kongres Juruukur Antarabangsa Ke-26 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

ra perlu dibincangkan mengenai penubuhan akta yang dicadangkan Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) itu seperti konsep, skop dan aspek lain.

Selain itu katanya, perbincangan dengan semua pemegang taruh seperti ahli akademik dan industri juga giat dijalankan bagi mendapat pelbagai pandangan supaya ia dibuat dengan be-

tul dan bertahan lama.

"Bidang juruukur bangunan di negara ini sudah ada, tetapi setakat ini tiada akta yang mentadbir urus dalam bidang terbabit secara terperinci.

"Jika kita lihat negara lain, mereka sudah ada banyak tadbir urus yang jelas dan kita juga ke arah itu. Kita juga akan melihat daripada pengalaman negara

lain," katanya.

Mac lalu, satu mesyuarat dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya, Datuk Zahrul Hakim Abdullah diadakan bertujuan mendapatkan maklum balas terkini mengenai cadangan kawal selia profesion dan amalan Juruukur Bangunan di Malaysia.

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM